

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan menyatakan pencapaian RMKe-10 serta projek gagal siap dan projek-projek yang akan diteruskan di RMKe-11.**

**JAWAPAN:      YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 11 Mei 2015, sebanyak 11,894 projek merangkumi projek fizikal dan bukan fizikal telah dirancang dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10. Daripada jumlah ini sebanyak 61.5% telahpun siap dan baki sebanyak 38.5% dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Projek yang berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan dan masih belum siap pada tahun ini akan diteruskan dalam tempoh RMKe-11.

Sekian. Terima kasih.